



Status modal insan dalam menjamin kelestarian hidup Suku Che Wong dan Jahut: Suatu analisis perbandingan

Mustaffa Omar¹, W.A. Amir Zal², Sharina Halim¹, Hood Salleh¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, ²Universiti Malaysia Terengganu

Correspondence: Mustaffa Omar (email: momar@ukm.edu.my)

Abstrak

Kajian ini membandingkan status modal insan dalam kalangan Orang Asli suku Che Wong dengan suku Jahut di Pahang yang sedang mengalami keterancaman akibat pertambahan penduduk yang perlakan. Maklumat kajian diperolehi melalui kaji selidik berstruktur, temu bual separa berstruktur, dan teknik pemerhatian di lapangan. Analisis ke atas status modal insan dalam tulisan ini dibahagi kepada empat jenis aset, iaitu demografi, pendidikan meliputi kemahiran, status kesihatan dan pekerjaan. Dari aspek aset demografi, suku Che Wong didapati menghadapi tekanan dalam bentuk risiko kematian yang lebih tinggi, peluang berkahwin yang terhad dan lewat, masalah perkahwinan bawah umur, serta tradisi amalan merancang keluarga yang meluas. Kesemua keadaan ini dilihat tidak banyak membantu ke arah peningkatan jumlah penduduk Che Wong berbanding Jahut. Dari segi aset pendidikan dan kemahiran, suku Che Wong didapati kurang kelayakan akademik dan kebolehan literasi, serta pendedahan kepada latihan kemahiran, lantas mereka sering terhalang daripada menikmati peluang-peluang bekerjaya yang lebih baik berbanding suku Jahut. Dari segi status aset kesihatan, bentuk ancaman kesihatan yang dilalui suku Che Wong lebih condong kepada masalah perkembangan fizikal dan ketidakcukupan makan. Sementara bagi suku Jahut pula, pemasalahan kesihatan yang dihadapi lebih banyak dipengaruhi oleh perubahan gaya hidup, lantas mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit kronik seperti mana biasa dialami masyarakat luar. Berkaitan status aset pekerjaan, masalah pengangguran dan ketiadaan jaminan kerja adalah lebih tinggi dalam kalangan suku Che Wong berbanding Jahut. Akhirnya, analisis komposit pula membuktikan kekurangan dalam penguasaan suku Che Wong terutama ke atas dua jenis aset, iaitu aset pendidikan dan aset kemahiran pekerjaan telah meletakkan mereka dalam kedudukan lebih mudah terancam berbanding suku Jahut.

Katakunci: kelestarian, kemudahterancaman, kesihatan, modal insan, Orang Asli, pemilikan aset, pengangguran

Status of human capital in ensuring sustainable livelihood among the Che Wong and Jahut: A comparative analysis

Abstract

A comparative study on the status of human capital was conducted in an effort to address the issue of vulnerability and slow population growth among Che Wong and Jahut aboriginal communities. Information was collected through structured questionnaires, semi-structured interviews, and field observation techniques. The human capital status analysed here was divided into four types of assets, namely, demographic, education and skills, health status and employment. In terms of demographic assets, Che Wong faced a higher risk of death, limited opportunity in marriage at later age, higher risks of underaged marriage, and the widespread practice of traditional family planning. This situation was not helpful in increasing the size of Che Wong population over the Jahut. Concerning education and skills assets, Che Wong were academically less qualified, lacked literacy, and had not acquired much skills training. Consequently, they were often prevented from enjoying better career development opportunities as compared to the Jahut. In terms of health status assets, Che Wong faced more health threats related to physical

disability and inadequate food intake. By contrast, the Jahut faced more health problems associated with more modern lifestyle and in common with those chronic diseases experienced in the wider Malaysian society. In relation to employment assets status, the Che Wong experienced higher incidence of unemployment and lack of job security than the Jahut. Finally, the composite analysis proved that lack of competence among the Che Wong in education and job skills had put them in a more vulnerable position in comparison to the Jahut.

Keywords: aborigines, assets ownership, health, human capital, sustainability, unemployment, vulnerability

Pengenalan

Kelestarian hidup sesuatu kelompok sosial sangat dipengaruhi oleh kekuatan penguasaan anggotanya ke atas beberapa jenis modal. Antaranya merujuk kepada pemilikan mereka ke atas modal fizikal, modal sosial, modal insan, modal kewangan, modal budaya dan modal semula jadi. Keupayaan kelompok sosial ini menguasai sebahagian besar atau keseluruhan modal-modal ini boleh menjadikan kelangsungan hidup mereka lebih terjamin dan lestari. Bagi Orang Asli di Malaysia, penguasaan terhadap modal insan adalah sangat kritikal dan penting bagi kelestarian hidup mereka.

Menurut Slaus dan Jacobs (2011) berkaitan pembangunan modal insan, mereka menegaskan “... development of human capital is the critical determinant of long-term sustainability and that efforts to accelerate the evolution of human consciousness and emergence of mentally self-conscious individuals will be the most effective approach for ensuring a sustainable future”. Selaras dengan gagasan yang diutarakan oleh Slaus dan Jacobs (2011) tersebut, modal insan adalah penentu kritikal kepada kelestarian hidup jangka panjang sesuatu kaum Orang Asli. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis status modal insan dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Penguasaan modal insan dalam kalangan penduduk ini memungkinkan mereka dapat terus bertahan menghadapi segala macam perubahan dan cabaran hidup pada masa depan. Sebaliknya, sebarang kekurangan dalam penguasaan modal insan meletakkan kelompok sosial ini semakin jauh ketinggalan, hidup mereka mudah terancam, dan kurang berupaya untuk bersaing dengan kaum-kaum utama lain di negara ini.

Bertolak daripada premis seumpama ini, penulis melakukan analisis perbandingan ke atas dua komuniti Orang Asli iaitu suku Che Wong di mukim Lanchang dan suku Jahut di mukim Krau, Pahang. Suku Che Wong merupakan di antara enam kelompok sosial Orang Asli terkecil di negara ini (rujuk Jadual 1 dan Jadual 2). Lima suku Orang Asli lain yang juga menunjukkan pertumbuhan penduduk yang perlahan adalah suku Lanoh dan Kintak di Hulu Perak, Perak; suku Kensiu di Kg. Lubuk Legong, daerah Baling, Kedah; suku Mendriq di pedalaman daerah Gua Musang, Kelantan; dan suku Kanaq di Kg. Selangi, Mawai daerah Kota Tinggi, Johor. Sejak beberapa dekad yang lalu, bilangan mereka jauh lebih kecil berbanding suku lain dan trend kadar pertumbuhannya juga agak perlahan.

Modal insan dalam konteks kelestarian hidup Orang Asli

Mengikut Slaus dan Jacobs (2011), kajian tentang kelestarian hidup sesuatu kelompok masyarakat perlu mengambil kira peranan semua bentuk modal dan memahami hubungan kompleks yang wujud antara modal-modal tersebut, iaitu modal semula jadi, biologi, sosial, teknologi, kewangan, dan budaya. Mereka menegaskan bahawa kesemua bentuk modal ini memiliki nilai, utiliti dan aplikasi daripada hasil kesedaran penuh minda manusia yang bersifat kreatif dan inovatif. Lantas, modal insan, meliputi modal sosial diiktiraf berperanan penting dan bertindak sebagai penentu utama kepada produktiviti dan kelestarian sesuatu sumber, justeru itu termasuk juga masyarakatnya.

Jadual 1. Taburan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan etnik, 2010

Kumpulan etnik	Jumlah KIR	Jumlah penduduk	Peratus
Negrito			
Kensiu*	58	221	0.1
Kintak*	49	208	0.1
Lanoh*	74	360	0.2
Jahai	504	2358	1.3
Mendriq*	62	307	0.2
Bateq	307	1478	0.8
Jumlah	1054	4932	2.8
Senoi			
Temiar	6061	30628	17.2
Semai	9852	49427	27.7
Semoq Beri	1183	5225	2.9
Che Wong*	145	579	0.3
Jahut	1128	5560	3.1
Mahmeri	905	3700	2.1
Jumlah	19274	95119	53.4
Melayu Proto			
Temuan	6384	27996	15.7
Semelai	1792	7619	4.3
Jakun	7848	34802	19.5
Orang Kanaq*	29	139	0.1
Orang Kuala	624	3527	2.0
Orang Seletar	349	1664	0.9
Jumlah	17026	75747	42.5
Lain-lain			
Melayu	10	952	0.5
Cina	7	633	0.4
India	-	93	0.1
Lain-Lain	5	370	0.2
Jumlah	22	2048	1.1
Tidak Dinyatakan			
Jumlah	7	306	0.2
JUMLAH	37383	178152	100.0

Sumber: JAKOA (2010). Laporan eDamak, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Tidak diterbitkan).

* Suku kaum minoriti dalam kalangan Orang Asli masa kini

Jadual 2. Taburan suku minoriti Orang Asli mengikut kumpulan etnik dan lokasi petempatan, 2010

Kumpulan Etnik	Lokasi Petempatan	Bil. Keluarga	Bil. Penduduk
Negrito			
Lanoh	Kawasan Pedalaman Daerah Hulu Perak, Negeri Perak	74	360
Kintak	Kawasan Pinggir Daerah Gerik, Hulu Perak, Negeri Perak	49	208
Kensiu	Kawasan Pinggir di Daerah Baling, Negeri Kedah	58	221
Mendriq	Kawasan Pedalaman di Daerah Gua Musang, Negeri Kelantan	62	307
Senoi			
Che Wong	Daerah Raub dan Temerloh, Negeri Pahang	145	579
Melayu Proto			
Kanaq	Kg Selangi, Mawai Daerah Kota Tinggi, Negeri Johor	29	139

Sumber: JAKOA (2010). Laporan eDamak, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Tidak diterbitkan).

Konsep modal insan

Kejayaan masa depan negara amat bergantung kepada mutu modal insan warganya baik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Menurut Muhammad Hisham Mohamad (2005), modal insan yang baik dan bermutu tinggi dapat mencorakkan hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa modal insan berkualiti, sesebuah negara atau masyarakat menjadi lemah kerana ketiadaan faktor manusia untuk dijadikan pencetus kepada sesuatu inisiatif baru dalam pembangunan sosioekonomi (dipetik dalam Baharom Mohamad & Mohamad Johdi Salleh, 2009).

Aini Jaafar (2006), dalam menjelaskan istilah modal insan pula melihat manusia sebagai suatu 'aset tenaga' yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara, mahupun kemajuan bangsa. Sidek Baba (2005) pula seterusnya menambah bahawa modal insan berkualiti tidak saja memiliki upaya ilmu dan ketrampilan yang sifatnya semasa dan canggih tetapi mereka juga perlu menitikberatkan kepentingan aspek nilai etika sebagai asas pedoman dalam pembangunan modal insan.

Selaras dengan konsepsi awal oleh Rahmah Ismail (1996), Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012) pula mentakrifkan modal insan secara khusus sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif. Modal ini dibentuk atau dipupuk melalui pelaburan dalam pendidikan, latihan dalam perkhidmatan atau pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, galakan penghijrahan dan penguasaan maklumat. Menurut Flora (1999) pula, modal insan merujuk kepada sumber-sumber dimiliki individu seperti pendidikan, kemahiran, bakat, kesihatan, pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman dan pembelajaran formal, nilai, dan daya kepimpinan. Selain itu, modal insan juga memiliki sifat mudah alih melewati batas ruang. Setiap individu memiliki keupayaan memindahkan kebolehan mereka ke lokasi yang berbeza jika mereka mempunyai sumber-sumber ekonomi, sokongan sosial, dan hak undang-undang untuk berbuat sedemikian.

Bagi Abdul Rahman Ahmad (2006), modal insan merupakan pengetahuan dan kemahiran yang menjadi hak milik individu dan diperolehi mengikut (i) keupayaan sendiri, (ii) pengalaman pelbagai cara (tidak sama antara individu) dan mengambil masa agak lama (mengikut kemampuan), (iii) berguna secara khusus untuk seorang individu atau secara bersama, dan (iv) terdedah kepada pengaruh luaran dari persekitaran dan ikatan sosial yang wujud. Secara asas, modal insan adalah berkaitan kecekapan dan komitmen seseorang dalam organisasi atau komuniti yang dilihat dari aspek kemahiran, pengalaman, potensi dan kapasiti. Justeru, matlamat utama pembangunan modal insan adalah bagi meningkat dan memajukan individu/kelompoknya demi kelangsungan hidup dan manfaat masa depan.

Berdasarkan beberapa takrif dinyatakan di atas, dalam tulisan ini modal insan dikelompokkan ke dalam empat domain aset, iaitu aset demografi, aset pendidikan dan kemahiran, aset kesihatan dan aset pekerjaan. Aset demografi diwakili lapan item, iaitu tingkat kelahiran, kematian dan migrasi keluar, fenomena perkahwinan lewat (30 tahun ke atas) dan perkahwinan bawah umur (kurang 18 tahun), jangka hayat (kematian bawah usia 50 tahun), insiden kemandulan dan amalan merancang keluarga. Bagi aset pendidikan dan penguasaan kemahiran pula terdapat lapan item sebagai ukuran kepada kualiti tenaga kerja. Di sini ia merujuk kepada tingkat kemahiran bekerja dan literasi, penguasaan pengetahuan, ciri-ciri keusahawanan, insiden kecinciran, pencapaian akademik dan pemilikan kelayakan dan kemahiran tertentu oleh individu/kelompok sosial (diukur melalui memiliki sijil SPM dan sijil kemahiran lain). Aset kesihatan pula diukur berdasarkan empat item berikut, iaitu tingkat kecacatan fizikal/mental, mengalami penyakit kronik, tidak sihat untuk bekerja dan masalah ketakcukupan makanan. Akhir sekali merujuk kepada aset pekerjaan dengan dua item dijadikan sebagai penunjuk, iaitu status pekerjaan semasa (bekerja atau menganggur) dan jaminan pekerjaan sama ada bersifat sementara/bermusim atau tetap (terjamin). Dalam kajian ini diandaikan bahawa sesebuah komuniti akan lebih lestari kedudukannya dan tidak mudah terancam jika anggotanya menguasai dengan baik dalam keempat-empat domain aset modal insan ini.

Kelestarian hidup Orang Asli

Dalam kerangka model kelestarian hidup (*Sustainable Livelihoods Framework*) anjuran Department for International Development (1999), Allison dan Horemans (2006) menyatakan bahawa kelestarian sesuatu

kelompok sosial adalah tertakluk kepada penguasaan mereka ke atas lima jenis modal berikut, iaitu modal fizikal, sosial, kewangan, semula jadi dan modal manusia. Perincian bagi mengukur setiap modal ini pula ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Beberapa aset modal sebagai jaminan kepada kehidupan lestari

Aset/Modal Kehidupan	Perincian Elemen
Manusia	Pendidikan pengetahuan, latihan kemahiran, pengalaman bekerja, kesihatan
Sosial	Hubungan kekeluargaan, hubungan dalam komuniti, kerjasama (reciprocity), keyakinan (trust), jaringan sosial (network)
Semula jadi	Tanah, sumber air, produk hutan, kepelbagaiannya biologi (fauna dan flora)
Fizikal	Pengangkutan, infrastruktur, teknologi, tapak perniagaan, kemudahan utiliti
Kewangan	Simpanan, kredit, tabungan dan pelaburan

Mengikut Malleret dan Simbua (2004) dan Claire, (2004) pula, pemilikan ke atas aset-aset ini tidak mampu sepenuhnya menjamin kehidupan yang lebih baik dalam masyarakat. Bagi Morse et al. (2009) pula, di samping penguasaan ke atas modal-modal ini, kemudahterancaman sesuatu komuniti juga tertakluk kepada beberapa tekanan luaran lain berbentuk trend, bermusim atau kejutan seperti ditimpa bencana alam atau wabak penyakit. Namun keadaan ini boleh diimbangi melalui kebijaksanaan pihak pemerintah dalam melakar strategi bantuan dan perkhidmatan yang lebih efektif. Sementara di peringkat lokal pula, penduduk setempat perlu mengambil beberapa strategi dari inisiatif sendiri, selaras dengan pengetahuan dan pengalaman tradisi yang dimiliki, ketika berhadapan dengan sesuatu ancaman atau cabaran yang wujud.

Sesungguhnya kerangka kerja seperti dibincangkan di atas telah banyak digunakan dalam kajian-kajian berkaitan kelestarian hidup komuniti peribumi dan pulau Dyer et al. (2003), Claire (2004), Harrison (2005), Bruce (2007), Teresa (2008), dan Cinner (2010). Dalam makalah ini, kerangka kerja yang sama juga akan digunakan sebagai panduan dalam menghuraikan keadaan keterancaman hidup suku Che Wong dan Jahut. Bagaimanapun, skop penulisan ini hanya memberi tumpuan kepada aspek status pemilikan modal insan sahaja.

Metodologi dan lokasi kajian

Metodologi

Kajian ini menggunakan teknik kaji selidik berpandukan satu set borang kaji selidik berstruktur yang disediakan; juga temu bual separa berstruktur dengan beberapa informan berwibawa; dan pemerhatian sewaktu di lapangan. Set borang kaji selidik yang disediakan terbahagi kepada beberapa sub-seksyen. Sub-seksyen pertama melibatkan pengumpulan data berkaitan profil latar diri responden dan isi rumah. Sementara enam sub-seksyen seterusnya melibatkan pengumpulan data mengenai pemilikan modal/aset berikut dalam komuniti kajian, iaitu modal fizikal, modal sosial, modal kewangan, modal insan, modal budaya dan modal semula jadi. Tiga sub-seksyen lagi menumpukan perhatian kepada penunjuk keterancaman berbentuk trend, bermusim dan kejutan (*shock*). Sementara dua sub-seksyen terakhir berusaha mengenal pasti strategi dan amalan lokal dan pemerintah dalam menangani ketaktentuan kehidupan dalam komuniti kajian.

Usaha telah dijalankan untuk melakukan pembancian ke atas keseluruhan ketua keluarga di lokasi kajian berikutan jumlah penduduk di kedua-dua kampung kajian tidak ramai dan mampu dikendalikan dalam jangka waktu yang diperuntukkan semasa di lapangan. Bagi suku Che Wong, seramai 31 ketua isi rumah telah ditemu bual, sementara dalam kalangan suku Jahut pula, seramai 50 orang ketua isi rumah berjaya ditemu bual. Bagi tujuan perbandingan, suku Che Wong dikenal pasti sebagai kelompok ujian manakala suku Jahut pula sebagai kelompok kawalan. Kajian telah dijalankan melalui beberapa siri

lawatan ke kawasan kajian pada pertengahan tahun 2012 dan awal tahun 2013. Maklumat kajian kemudian direkod dan dianalisis menggunakan analisis jurang (*gap analysis*) bagi mengesan perbezaan pencapaian status modal insan di antara suku Che Wong dan Jahut. Min skor telah dihitung daripada hasil gabungan skor sekumpulan item yang mewakili suatu set pemboleh ubah (domain), sementara analisis ANOVA dilaksanakan sebagai menguji kesignifikanan perbezaan min skor antara dua atau lebih pemboleh ubah (domain) yang dikaji .

Lokasi dan profil komuniti kajian

Kajian dijalankan dalam kalangan suku Che Wong yang tinggal di sekitar Kuala Gandah, mukim Lanchang, daerah Temerloh, Pahang. Informan yang ditemui bual pula adalah dari empat kampung rangkaian di sekitar Kuala Gandah, iaitu Kg. Beh, Kg. Kalau, Kg. Kuala Gandah dan Kg. Sg. Enggang. Perkampungan suku Che Wong di Kuala Gandah ini terletak kira-kira 12km dari pekan Lanchang, dan 40km dari bandar Temerloh, Pahang. Suku Jahut pula dipilih keseluruhannya dalam kalangan penduduk di Kg Lubok Wong, Kuala Krau, Pahang. Jarak lokasi perkampungan ini dengan pekan Kuala Krau adalah sekitar 17km, sementara kedudukannya dengan bandar Jerantut adalah sekitar 48km. Kedua-dua perkampungan ini masing-masing diketuai oleh seorang ketua kampung berjawatan Batin dengan dibantu beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kedua-dua kampung kajian mudah dihubungi melalui jalan raya, menggunakan pengangkutan persendirian dan awam. Namun, terdapat beberapa isi rumah suku Che Wong dilaporkan masih menetap di beberapa kawasan jauh di pedalaman hutan. Mereka sesekali akan keluar ke pekan berdekatan bagi mendapatkan bekalan keperluan harian.

Jadual 4 membentangkan secara ringkas profil latar diri responden dalam kajian ini. Data menunjukkan sebahagian besar responden berada dalam kelompok umur pertengahan 30-an, berstatus telah berkahwin, dan memiliki tanggungan sekitar enam orang per keluarga. Dari segi kegiatan ekonomi, sebahagian besar responden masih terlibat dalam pekerjaan sendiri. Suku Che Wong masih ramai melakukan kerja-kerja mengumpul dan mencari hasil hutan dan sungai, walaupun sebahagian kecil yang lain telah mengusahakan tanaman getah atau bekerja makan gaji sebagai pengawal keselamatan atau buruh kontrak. Dalam kalangan suku Jahut di Kg Lubok Wong pula, pergantungan hidup kepada sumber hutan didapati sangat berkurangan, terutama apabila melibatkan generasi muda. Kebanyakan penduduk telah beralih kepada aktiviti berladang, mengusahakan kebun getah dan ladang kelapa sawit dengan keluasan sekitar 6 ekar per keluarga. Secara perbandingan, suku Che Wong memilik pendapatan lebih rendah berbanding suku Jahut. Analisis data pendapatan bulanan isi rumah menunjukkan sebahagian besar suku Che Wong berpendapatan di bawah RM500 sebulan (min pendapatan isi rumah sebulan sekitar RM454.00) berbanding suku Jahut pada kadar lebih tinggi, iaitu RM815.00 sebulan.

Penemuan kajian

Perbandingan status aset modal insan Suku Che Wong dan Jahut

Aset modal insan yang dianalisis di sini dibahagikan kepada empat, iaitu aset demografi, aset pendidikan dan kemahiran, aset kesihatan dan aset pekerjaan.

(i) Status aset demografi dalam komuniti

Lapan item dari domain aset demografi telah dianalisis bagi mengukur status modal insan komuniti kajian. Berdasarkan analisis ke atas kesemua item ini (lihat Jadual 5), lima daripadanya lebih berpihak secara negatif kepada suku Che Wong. Suku Che Wong memperlihatkan keadaan pemilikan aset demografi yang kurang mantap berbanding suku Jahut. Misalnya, meskipun insiden kelahiran lebih tinggi dalam kalangan suku Che Wong berbanding suku Jahut, namun kelebihan tersebut tidak membawa

makna besar kepada pertambahan penduduk Che Wong secara semula jadi kerana kadar kematian yang tinggi dalam komuniti ini. Kadar kelahiran dan kematian yang tinggi ini telah meninggalkan impak yang kurang menggalakkan kepada pertambahan penduduk Che Wong secara keseluruhannya. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila dilakukan analisis lanjut ke atas trend perkahwinan, insiden kemandulan dan amalan merancang keluarga suku Che Wong berbanding Jahut.

Jadual 4. Profil latar diri responden

Latar Diri	Che Wong		Jahut	
	Bil	%	Bil	%
Jantina				
Lelaki	15	48.8	27	54.0
Perempuan	16	51.6	23	46.0
Umur				
20-29	11	35.5	22	44.0
30-39	9	29.0	14	28.0
40-49	6	19.4	7	14.0
50+	5	16.1	7	14.0
Min	37.5		35.7	
Agama/Kepercayaan				
Tradisi/Nenek Moyang	15	48.4	32	64.0
Islam	13	41.9	15	30.0
Kristian	3	9.7	3	6.0
Taraf Perkahwinan				
Bujang	2	6.5	9	18.0
Berkahwin	26	83.9	37	74.0
Janda/Duda/Berpisah	3	9.7	4	8.0
Jumlah Tanggungan				
<5	18	58.1	20	40.8
5-7	6	19.4	12	24.5
8+	7	22.6	17	34.7
Min	5.97		6.57	
Sektor Pekerjaan				
Pertanian	4	12.9	36	72.0
Perkhidmatan	4	12.9	2	4.0
Perhutanan	10	32.3	1	2.0
Perniagaan	1	3.2	1	2.0
Pembuatan/Pengeluaran	2	6.4	0	-
Pembinaan	1	3.2	0	-
Lain-lain (Surirumah/Pesara)	9	29.1	10	20.0
Kategori Pekerjaan				
Awam	3	9.7	2	4.0
Swasta	2	6.5	1	2.0
Sendiri	18	58.1	34	68.0
Lain-lain	8	25.8	13	26.0
Pendapatan Isi rumah				
<500	18	58.1	19	38.0
500-999	10	32.3	16	32.0
1000-1499	2	6.5	5	10.0
1500+	1	3.2	10	20.0
Min	454.47		814.80	
Median	260.00		600.00	

Dari segi perkahwinan, terdapat peratusan lebih tinggi dalam kalangan isi rumah Che Wong yang masih tidak berkahwin walaupun sudah melewati usia 30 tahun. Hal yang sama juga diperhatikan bagi mereka yang berkahwin dalam kategori bawah umur (kurang 18 tahun). Perkahwinan umur muda ini boleh mendedahkan mereka kepada risiko kematian ibu dan anak lebih tinggi berbanding suku Jahut.

Jadual 5. Status modal insan domain aset demografi

Domain Aset Demografi	Che Wong (%)	Jahut (%)	% Jurang Perbezaan (+/-) Che Wong kepada Jahut
Insiden kelahiran (2011-2012)	61.3	34.0	+27.3
Insiden kematian (2011-2012)	38.7	28.2	+10.5
Insiden migrasi keluar (2011-2012)	16.1	30.0	-13.9
Insiden tidak berkahwin pada usia 30 tahun ke atas (2011-2012)	29.0	18.0	+11.0
Insiden berkahwin muda - bawah usia 18 tahun (2011-2012)	54.8	10.0	+44.8
Insiden kematian (jangka hayat pendek) bawah usia 50 tahun (2011-2012)	16.1	20.0	-3.9
Insiden kemandulan dalam komuniti (2011-2012)	19.4	6.0	+13.4
Amalan merancang keluarga dalam komuniti (2011-2012)	83.9	80.0	+3.9

Berkait dengan item kemandulan dan merancang keluarga, terdapat peratus lebih tinggi dalam kalangan suku Che Wong berbanding suku Jahut. Kesemua keadaan begini dilihat tidak memberi kelebihan kepada suku Che Wong untuk mengalami pertambahan penduduk secara lebih stabil dan konsisten. Ini disebabkan dalam keadaan di mana terdapatnya ruang untuk menambah bilangan penduduknya melalui peningkatan kelahiran, fenomena ini bagaimanapun ditekan oleh gangguan-gangguan dalam bentuk risiko kematian yang tinggi, jangka hayat yang pendek, kesukaran mendapat anak berikutan masalah kemandulan, dan amalan merancang keluarga yang berleluasa. Tekanan-tekanan seumpama ini menyebabkan jumlah dan keupayaan pertambahan suku Che Wong adalah lebih perlaha berbanding suku Jahut. Dari segi perkahwinan juga, insiden berkahwin awal (di bawah usia 18 tahun) tidak menjamin untuk mereka mampu menambah penduduk melalui kelahiran memandangkan perkahwinan di bawah umur ini lebih cenderung mendedahkan mereka kepada risiko kematian ibu dan bayi yang lebih tinggi. Ini dipersulit lagi dengan tingginya insiden berkahwin lewat (melebihi usia 30 tahun ke atas) yang lebih ketara dalam kalangan suku Che Wong berbanding Jahut.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa dari segi aset demografi antara Che Wong dan Jahut, keadaannya tidak banyak berpihak kepada suku Che Wong. Tekanan dalam bentuk kadar kematian dan risiko kematian yang lebih tinggi, peluang berkahwin yang terhad dan lewat, serta perkahwinan bawah umur telah melambatkan proses pertambahan penduduk Che Wong secara bermakna. Mereka juga menghadapi masalah kemandulan dan penyertaan yang tinggi dalam amalan merancang keluarga, dan keadaan ini tidak banyak membantu ke arah peningkatan jumlah penduduk Che Wong dalam jumlah lebih besar berbanding Jahut.

(ii) Status aset pendidikan dan kemahiran anggota komuniti

Dalam proses pembangunan manusia dan komuniti, pendidikan dalam banyak keadaan dilihat berperanan penting dan utama. Menurut Slaus dan Jacobs (2011), pendidikan mempengaruhi hampir setiap aspek kewujudan manusia, termasuk tingkat kesuburan, kematian bayi, kesihatan, jangka hayat, pertumbuhan

penduduk, kebolehpasaran tenaga buruh, tahap pendapatan, pertumbuhan ekonomi, corak penggunaan, inovasi teknologi dan sosial, keusahawanan, kesedaran awam, nilai-nilai sosial, dasar awam, jenis kerajaan dan kualiti tadbir urus. Di samping itu, melalui pendidikan, manusia berjaya mewariskan ilmu pengetahuan dan kemahiran dimiliki berasaskan pengetahuan dan pengalaman lampau dari satu generasi ke generasi lain dengan cara yang lebih tersusun dan mantap. Penurunan ilmu pengetahuan dan pengalaman ini kemudiannya membantu proses pemindahan nilai-nilai, termasuk kemahiran interpersonal dan psikologikal yang amat diperlukan untuk menjamin pencapaian diri yang lebih tinggi dan kehidupan yang lebih terjamin dan sejahtera. Seiringan itu, proses pendidikan ini juga penting dalam pembinaan dan pembangunan karakter dan personaliti individu, dan langkah sebegini pada analisis terakhirnya boleh membantu meningkatkan potensi diri manusia dalam mengharungi kehidupan masa depan yang lebih baik.

Selain itu, pendidikan dan latihan juga penting dalam perolehan pekerjaan, dan pemudahcara untuk membawa perubahan sosial dan budaya. Dari itu, pelaburan berterusan dalam pendidikan dapat mengoptimumkan situasi ke arah peluang pekerjaan yang lebih baik, begitu juga dalam perolehan pendapatan, dan pada masa sama membawa perubahan dalam orientasi pengeluaran (ekonomi) dan gaya hidup penduduk. Gagasan ini adalah selari dengan pendapat Lutz (2010) tentang kepentingan pendidikan. Menurut Lutz (2010), pendidikan penting untuk mencapai pembangunan progresif dan kemapanan modal insan. Keadaan kehidupan moden yang kompleks memerlukan setiap individu biasa mempelbagai pengetahuan dan kemahiran diri. Selain itu, pendidikan juga menjadi penunjuk penting bukan sahaja dalam penentuan saiz keluarga, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan aspirasi dan motivasi sosial bagi memperbaiki dan mencapai taraf hidup yang lebih baik. Selanjutnya, Card (1999) pula melihat pendidikan sebagai kunci kepada pertumbuhan pekerjaan yang mapan. Di seluruh dunia telah terbukti bahawa pemilikan pendidikan yang baik boleh dikaitkan dengan status pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi. Malahan, dalam penelitian ke atas sebahagian besar negara di dunia, Card (1999) mendapati tingkat pengangguran adalah jauh lebih tinggi bagi mereka yang memiliki pencapaian pendidikan yang rendah. Dalam perbincangan seterusnya oleh Slaus dan Jacobs (2011), mereka menegaskan bahawa wujud berkaitan rapat di antara tingkat pengangguran dengan kekurangan kemahiran dalam pekerjaan terutama di beberapa negara OECD dan negara membangun lain. Maka, bagi mencapai pembangunan modal insan yang mapan, negara-negara ini perlu melakukan rombakan radikal dalam sistem pendidikan dan latihan vokasional supaya masalah kekurangan kemahiran dalam pekerjaan dapat diatasi.

Selaras dengan hujah-hujah yang dikemukakan beberapa sarjana berkaitan kepentingan pendidikan dan latihan kemahiran dalam kehidupan manusia dan kemajuan negara, maka analisis seterusnya melibatkan penilaian ke atas status pemilikan aset pendidikan dan kemahiran di antara suku Che Wong dan Jahut. Jadual 6 menunjukkan dari lapan item yang mewakili aset pendidikan dan kemahiran, hampir keseluruhanya didominasi suku Jahut. Pola penguasaan suku Che Wong ke atas aset pendidikan dan kemahiran diperhatikan jauh lebih rendah berbanding suku Jahut. Penguasaan dalam aspek kemahiran diri, literasi, pengetahuan dan pencapaian akademik oleh suku Jahut meletakkan mereka dalam kedudukan lebih baik berbanding suku Che Wong. Kekurangan di pihak suku Che Wong dalam menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran diri, literasi serta kelayakan akademik yang baik menyebabkan mereka kurang daya saing untuk membawa kemajuan kepada diri dan komuniti.

Kekurangan latihan kemahiran dalam kalangan Che Wong, ditambah pula dengan keterbatasan dalam ilmu pengetahuan dan kebolehan literasi, menyebabkan lebih ramai suku Che Wong mengalami keciciran atau ketinggalan dari arus perdana pembangunan. Buktinya, ramai dalam kalangan suku Che Wong ini tidak memiliki pekerjaan tetap yang lebih menjamin atau menikmati peluang kerjaya yang lebih baik berbanding rakan mereka dari suku Jahut. Kekurangan kelayakan akademik yang diukur berdasarkan pemilikan sijil SPM dan sijil kemahiran lain menyebabkan keupayaan untuk menyerap lebih ramai suku Che Wong dalam pasaran pekerjaan formal sukar direalisasikan setakat ini berbanding suku Jahut.

Jadual 6. Modal insan domain aset pendidikan dan kemahiran

Domain Aset Pendidikan dan Kemahiran	Che Wong (%)	Jahut (%)	% Jurang Perbezaan (+/-) Che Wong kepada Jahut
Tidak pernah ikuti kursus kemahiran	83.9	48.0	+35.9
Tidak memiliki kemahiran hidup tertentu	6.5	2.0	+4.5
Tidak pernah ikuti kursus literasi tertentu	64.5	24.0	+40.5
Tidak memiliki sesuatu kemahiran literasi	41.9	10.0	+31.9
Tiada memiliki pengetahuan keusahawanan	67.7	36.0	+31.7
Ahli keluarga keciciran	77.4	78.0	-0.6
Ahli keluarga tiada memiliki sijil SPM	93.5	50.0	+43.5
Ahli keluarga tiada memiliki sebarang sijil kemahiran	90.3	50.0	+40.3

Hasil temu bual berjaya mengenalpasti beberapa faktor berhubung dengan sebab kurangnya kelayakan pendidikan dan latihan kemahiran antara suku Che Wong dan Jahut. Kurangnya kemudahan dan peralatan pembelajaran, perjalanan berulang-alik murid ke sekolah yang agak jauh, peralatan pembelajaran yang lambat diterima, dan rakan sekolah daripada kaum lain yang memandang rendah terhadap murid Orang Asli menjadi antara faktor penyumbang kepada ketidak-hadiran atau keenggan mereka ke sekolah. Dari aspek sikap pelajar dan ibubapa berhubung pendidikan pula, pada umumnya adalah tidak begitu menggalakkan. Kekurangan minat, tebalnya perasaan rendah diri, kurang keupayaan ibubapa membimbing pelajaran anak-anak di rumah disebabkan ibubapa dan murid sendiri kurang penguasaan dalam kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira), dan kurangnya kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris menjadi penghalang kepada murid Orang Asli untuk menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran masing-masing. Dari aspek guru sebagai pendidik pula, faktor kekurangan guru, guru tidak bersungguh dalam mendidik, dan pertukaran guru yang kerap sering dikaitkan dengan masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar Orang Asli ini.

Merujuk kepada hal berkaitan kekurangan kemahiran dan latihan pula, wujud beberapa rintangan yang menjadi penghambat kepada usaha meningkatkan kualiti modal insan Orang Asli di kawasan kajian. Antara rintangan bagi individu Orang Asli ini mengikuti sesuatu latihan kemahiran ialah faktor jarak yang jauh dari pusat latihan, ketaksesuaian masa dan kandungan program latihan tersebut, halangan pekerjaan/majikan, bakal peserta tidak berkebolehan membaca dan menulis, latihan disediakan kurang sesuai dengan keperluan peserta, syarat-syarat kelayakan mengikuti latihan dikatakan terlalu ketat, tiada maklumat atau pengetahuan tentang latihan yang disediakan, dan halangan kewangan akibat kemiskinan bagi mengikuti sesuatu program latihan yang disediakan.

(iii) Status aset kesihatan anggota komuniti

Menurut Bloom et al. (2004), kesihatan bukan sahaja merupakan keperluan untuk menikmati kehidupan sepenuh, tetapi ia juga merupakan penentu penting kepada tahap produktiviti modal insan. Sementara dari perspektif Bank Dunia pula, kesihatan merupakan faktor penting dalam pembangunan ekonomi (Rivera & Currais, 2003; Aguayo-Rico et al., 2005). Sebagai rumusan, kesemua pernyataan ini membayangkan bahawa lestari atau tidaknya sesuatu komuniti adalah bergantung kepada status kesihatan modal insannya. Modal insan yang kurang sihat boleh menjadi kurang produktif berbanding mereka yang sihat. Kesihatan membolehkan seseorang bukan sahaja dapat terus bekerja, tetapi juga menjadikan mereka lebih produktif dan kreatif. Konstruk pemikiran sebegini adalah selari dengan pandangan Bloom (2000) yang menegaskan bahawa individu yang sihat adalah lebih cekap dalam mengasimilasikan pengetahuan, lantas mengakibatkan peningkatan dalam produktiviti. Kesihatan yang rendah sebaliknya akan mendedahkan ahli komuniti kepada pelbagai risiko seperti mudah dijangkiti penyakit dan memiliki jangka hayat yang pendek. Kesihatan yang buruk juga boleh memberi kesan negatif kepada

perkembangan biologi dan fizikal anggota komuniti, selain berhadapan masalah kurang daya tahan dalam menghadapi serangan penyakit berjangkit.

Jadual 7 membentangkan empat item sebagai penunjuk kepada ukuran status kesihatan modal insan. Hasil analisis mendapati kedudukan asset kesihatan kedua-dua suku kaum ini tidak menunjukkan banyak perbezaan. Namun, bentuk ancaman kesihatan yang dilalui suku Che Wong lebih condong kepada masalah perkembangan fizikal dan ketakcukupan makanan. Fenomena ketakcukupan makanan ini dilaporkan suku Che Wong wujud berikutan berleluasanya ancaman terhadap sumber hutan dan sungai disebabkan aktiviti pembalakan dan peluasan kawasan perlindungan hutan simpan di sekitar perkampungan mereka.

Jadual 7. Modal insan domain kesihatan

Domain Aset Kesihatan Komuniti	Che Wong (%)	Jahut (%)	% Jurang Perbezaan (+/-) Che Wong kepada Jahut
Insiden masalah kesihatan fizikal/mental	19.4	10.0	+9.4
Insiden menghidapi penyakit kronik	16.1	32.0	-15.9
Insiden kesukaran bekerja kerana sakit	19.4	36.0	-16.6
Masalah ketakcukupan makanan	35.5	30.0	+5.5

Sebaliknya, bagi suku Jahut pula, pemasalahan kesihatan yang dihadapi lebih banyak dipengaruhi oleh perubahan gaya hidup dan pemakanan. Suku Jahut lebih banyak menghidapi penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan angin ahmar yang biasa dialami masyarakat luar. Masalah kesihatan suku Jahut sebegini menunjukkan bahawa urusan mencegah atau merawat penyakit yang dihadapi adalah lebih mudah melalui khidmat perubatan moden dan perubahan dalam gaya hidup. Sebaliknya, urusan meningkatkan status kesihatan suku Che Wong bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Ini kerana insiden masalah kesihatan fizikal/mental memerlukan pengawasan lebih baik dari segi kesihatan dan pemakanan sejak dalam kandungan lagi. Begitu juga halnya dalam menanggani masalah ketidakcukupan makanan akibat daripada kemerosotan sumber makanan dari hutan dan kawasan sekitar. Dalam konteks ini, langkah pihak berwajib untuk melindungi hutan dan sumber-sumber di dalamnya amat diperlukan, bukan sahaja demi *survival* hutan berkenaan tetapi juga komuniti sekitarnya.

Berikut diuraikan beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah kesihatan dalam kalangan Orang Asli di kawasan kajian. Hasil temubual dengan penduduk dan pegawai kesihatan setempat mendapati masalah kesihatan yang wujud terutama dalam kalangan suku Che Wong adalah berikutan kegagalan mereka mengamalkan gaya hidup lebih sihat dalam kehidupan harian berbanding suku Jahut. Masalah kesihatan ini juga wujud bukan kerana kurangnya kemudahan dan perkhidmatan kesihatan disediakan pihak pemerintah, tetapi penerimaan suku Che Wong terhadap perkhidmatan kesihatan moden masih rendah berbanding suku Jahut. Beberapa wanita muda Che Wong ketika mengandung dan melahirkan anak ada dilaporkan tidak pernah atau enggan mendapat perkhidmatan dan rawatan kesihatan moden. Kedudukan tempat kediaman mereka yang terletak di pedalaman turut menyumbang kepada masalah penjagaan kesihatan secara moden ini.

(iv) Status asset pekerjaan anggota komuniti

Menurut Slaus dan Jacobs (2011), memiliki pekerjaan amat penting dalam usaha menampung keperluan hidup manusia. Melalui pekerjaan seorang dapat memperoleh pendapatan dalam bentuk upah/gaji untuk digunakan bagi memenuhi keperluan hidup diri dan keluarga. Pekerjaan juga memberi seseorang identiti diri sebagai seorang yang produktif dan punya nilai ekonomi dalam masyarakat. Tanpa pekerjaan, seseorang dilihat sebagai beban kepada orang lain. Bagaimanapun, sekadar memiliki pekerjaan masih kurang mencukupi bagi menjamin kehidupan individu atau isi rumah yang lebih baik. Tanpa pekerjaan

yang menjaminkan (*employment security*), individu belum dapat memastikan masa depan yang lebih baik untuk diri dan seisi keluarganya.

Dalam konteks kajian ini, dua ukuran berkait dengan aset pekerjaan telah digunakan. Selain memberi tumpuan kepada aspek penguasaan penduduk ke atas sesuatu pekerjaan, perhatian juga diberikan dalam memahami sejauh manakah sesuatu pekerjaan yang dimiliki itu memberi jaminan hidup yang lebih baik untuk jangka masa panjang? Jadual 8 memaparkan maklumat berkaitan status pekerjaan semasa dalam kalangan isi rumah kedua-dua komuniti kajian. Data menunjukkan bahawa dari segi pemilikan pekerjaan, suku Jahut berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding Che Wong. Peratus isi rumah tanpa pekerjaan atau menganggur dalam kalangan suku Jahut lebih rendah berbanding suku Che Wong.

Jadual 8. Modal insan domain pekerjaan

Domain Jaminan Pekerjaan	Che Wong (%)	Jahut (%)	% Jurang Perbezaan (+/-) Che Wong kepada Jahut
Tiada Pekerjaan Sekarang	25.8	18.0	+7.8
Status Pekerjaan Sementara/ Bermusim	77.4	42.0	+35.4

Berkaitan jaminan pekerjaan pula, suku Jahut sekali lagi memperlihatkan kedudukan lebih terjamin kerana memiliki pekerjaan berstatus tetap. Sebaliknya, suku Che Wong lebih banyak memiliki pekerjaan bersifat sementara/bermusim sahaja. Secara keseluruhan dalam konteks penguasaan ke atas aset pekerjaan ini, komuniti Jahut menunjukkan kedudukan yang lebih kukuh dan terjamin dari segi pekerjaan berbanding suku Che Wong.

Antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan dalam jaminan pekerjaan dalam kalangan suku Che Wong dan Jahut adalah berkait rapat dengan perbezaan penguasaan kedua-dua suku kaum ini dari segi kelayakan pendidikan dan latihan kemahiran. Dari segi pendidikan dan latihan kemahiran, suku Jahut menunjukkan penguasaan yang lebih baik berbanding suku Che Wong. Kesedaran berkaitan perihal pentingnya pendidikan dan latihan kemahiran dilaporkan lebih tinggi dalam kalangan suku Jahut. Lantaran itu, peluang kerjaya lebih terbuka luas dalam kalangan suku Jahut berbanding Che Wong ini. Begitu juga dari segi sikap keterbukaan suku Jahut terhadap pekerjaan luar kampung atau kerja ladang adalah lebih ketara berbanding suku Che Wong. Kesediaan generasi muda Jahut untuk bekerja di luar kawasan perkampungan sebagai buruh ladang dan pekerja perkhidmatan telah menjadikan mereka lebih terkehadapan berbanding suku Che Wong yang lebih terikat dengan pekerjaan ke hutan atau sekitar perkampungan asal mereka sahaja.

Analisis perbandingan modal insan secara komposit mengikut komuniti kajian

Bagi membandingkan status modal insan suku Che Wong dan suku Jahut, bahagian ini menganalisis kesemua domain modal insan secara komposit. Ujian kesignifikantan perbezaan skor min komposit antara kedua-dua kelompok sosial ini (lihat Jadual 9) mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan dari segi pemilikan ke atas dua aset berikut, iaitu (i) aset pendidikan dan kemahiran dan (ii) aset pekerjaan. Sementara bagi pemilikan ke atas dua aset lain, iaitu aset demografi dan aset kesihatan pula tiada perbezaan yang signifikan dapat dikesan antara suku Che Wong dan Jahut. Penemuan ini membuktikan kekurangan dalam penguasaan suku Che Wong ke atas (i) aset pendidikan dan kemahiran dan (ii) aset pekerjaan meletakkan mereka dalam kedudukan lebih mudah terancam berbanding suku Jahut.

Jadual 9. Analisis perbandingan dan kesignifikanan perbezaan min mengikut domain bagi aset modal insan Suku Che Wong dan Jahut

Suku Kaum	Ukuran	Min Skor Modal Insan Aset Demografi	Min Skor Modal Insan Aset Pendidikan dan Kemahiran	Min Skor Modal Insan Aset Kesihatan	Min Skor Modal Insan Aset Pekerjaan	Min Skor Modal Insan Komposit
Che Wong	Min	.7137	.3000	.7806	.4839	.5696
	N	31	31	31	31	31
	Sisihan Piawai	.12159	.15080	.18871	.32873	.11199
Jahut	Min	.7525	.5833	.7800	.7000	.7040
	N	50	50	50	50	50
	Sisihan Piawai	.14395	.22600	.19483	.36422	.13282
Jumlah	Min	.7377	.4749	.7802	.6173	.6525
	N	81	81	81	81	81
	Sisihan Piawai	.13637	.24293	.19132	.36462	.14082

Jadual ANOVA

Modal Insan Mengikut Aset	Item Ujian	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Min Skor Modal Insan Aset Demografi * Suku Kaum	<i>Between Groups (Combined)</i>	.029	1	.029	1.559	.215
	<i>Within Groups</i>	1.459	79	.018		
	<i>Total</i>	1.488	80			
Min Skor Modal Insan Aset Pencapaian Pendidikan dan Penguasaan Kemahiran * Suku Kaum	<i>Between Groups (Combined)</i>	1.536	1	1.536	38.103	.000
	<i>Within Groups</i>	3.185	79	.040		
	<i>Total</i>	4.721	80			
Min Skor Modal Insan Aset Kesihatan * Suku Kaum	<i>Between Groups (Combined)</i>	.000	1	.000	.000	.988
	<i>Within Groups</i>	2.928	79	.037		
	<i>Total</i>	2.928	80			
Min Skor Modal Insan Aset Pekerjaan * Suku Kaum	<i>Between Groups (Combined)</i>	.894	1	.894	7.249	.009
	<i>Within Groups</i>	9.742	79	.123		
	<i>Total</i>	10.636	80			
Min Skor Modal Insan Komposit * Suku Kaum	<i>Between Groups (Combined)</i>	.346	1	.346	22.010	.000
	<i>Within Groups</i>	1.241	79	.016		
	<i>Total</i>	1.586	80			

Perbincangan dan kesimpulan

Mengambil maklum tentang berkurangnya pemilikan suku Che Wong berbanding suku Jahut terutama ke atas aset pendidikan dan kemahiran, serta aset pekerjaan, maka sewajarnya usaha yang lebih sistematik dijalankan untuk meningkatkan penguasaan mereka ke atas kedua-dua aset ini. Melalui pendidikan dan latihan kemahiran, maka nilai modal insan suku Che Wong dapat dipertingkatkan. Hakikatnya, langkah

sebegini akan memberi mereka lebih berpeluang memperolehi pekerjaan yang lebih baik dan terjamin berbanding keadaan sebelumnya.

Beberapa perkara lain juga perlu diberi perhatian oleh pihak pemerintah khususnya bagi melindungi kelangsungan hidup suku minoriti Orang Asli yang kian terancam ini. Sehubungan itu, tiga langkah berikut disarankan. Pertama, meningkatkan pelaburan dalam pembangunan modal insan Orang Asli; (ii) menggalakkan penyertaan Orang Asli dalam pasaran buruh; dan (iii) berusaha memperkasakan nilai aset Orang Asli melalui pewujudan undang-undang dan peraturan yang memberi mereka hak pemilikan, mengawal selia dan menggunakan aset tanah serta sumber hutan.

(i) Melabur dalam pembangunan modal insan Orang Asli/Peribumi

Modal insan adalah aset terpenting bukan sahaja kepada negara, tetapi juga sebagai jaminan kelangsungan hidup sesebuah organisasi dan komuniti. Dalam kata lain, kelestarian sesebuah komuniti itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada modal insannya. Justeru, agenda pembangunan modal insan perlu diutamakan dalam proses pembangunan komuniti minoriti Orang Asli kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan hala tuju komuniti tersebut pada masa hadapan. Pembangunan modal insan ini perlu digerakkan secara produktif terutama melalui proses pendidikan yang berterusan dan dilaksanakan secara komprehensif bagi menghasilkan modal insan yang mantap, berdaya saing dan berkualiti.

Bagi mencapai gagasan yang dinyatakan di atas, makalah ini mencadangkan dibentuk suatu Kerangka Persekutuan Berkaitan Pembangunan Ekonomi Orang Asli/Peribumi (*Federal Framework for Aboriginal Economic Development*). Pengalaman kerajaan Kanada dalam mewujudkan kerangka pembangunan sedemikian pada tahun 2009 boleh dijadikan contoh. Kerangka tersebut kini diiktiraf sebagai suatu amalan terbaik yang menghasilkan beberapa kejayaan dalam membangunkan ekonomi peribumi Kanada (Government of Canada, 2009). Bagi melaksanakan kerangka pembangunan sedemikian, pihak kerajaan persekutuan perlu melakukan suatu perubahan fundamental terhadap model pembangunan modal insan Orang Asli/peribumi yang diamalkan selama ini. Langkah ini bagi memastikan Orang Asli/peribumi di Malaysia dapat menikmati peluang yang seimbang dari segi pekerjaan, pendapatan dan penjanaan kekayaan seperti mana warga negara Malaysia yang lain.

Melalui Kerangka Pembangunan Ekonomi Orang Asli/Peribumi yang disarankan ini, beberapa prinsip perlu dijadikan sandaran dan diwujudkan situasi yang sesuai bagi meningkatkan penyertaan Orang Asli/peribumi dalam ekonomi Malaysia. Antara prinsip-prinsip untuk diikuti dan situasi yang perlu disediakan ialah:

- a) Memperkuuhkan bidang keusahawanan dengan menggalakkan iklim ekonomi yang mesra perniagaan kepada Orang Asli/peribumi. Ini boleh dicapai dengan meningkatkan akses mereka kepada modal dan menggalakkan peluang perniagaan yang pelbagai, termasuk dalam aspek perolehan;
- b) Membangunkan modal insan Orang Asli dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran buruh yang mempunyai permintaan tinggi;
- c) Meningkatkan nilai aset Orang Asli melalui pengurusan lebih sistematik dalam peluang ekonomi, perkongsian manfaat yang lebih adil dan seimbang, pengurusan aset dan tanah Orang Asli/peribumi secara lebih baik dan moden;
- d) Menjalinkan perkongsian baru dan berkesan antara Orang Asli/peribumi dengan sektor swasta, liputan kawasan wilayah yang lebih luas, dan penglibatan pelbagai badan sukarelawan atau NGO; dan
- e) Penumpuan diberikan kepada peranan kerajaan persekutuan melalui kerjasama yang lebih baik dengan komuniti sasaran dan memberi lebih penekanan kepada aspek pelaksanaan. Ini boleh direalisasikan dengan menubuhkan suatu jawatankuasa pengelola di peringkat persekutuan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Koordinasi Persekutuan berkaitan Orang Asli/peribumi (*Federal Coordination Committee on Aborigines*). Jawatankuasa ini perlu dianggotai oleh pihak EPU, JAKOA, dan setiap kementerian serta agensi di peringkat persekutuan dan negeri dalam

membangunkan Orang Asli/peribumi sama seperti mana tanggungjawab yang diperuntukkan ke atas kementerian dan agensi-agensi berkenaan dalam membawa pembangunan ke atas warganegara Malaysia yang lain.

Walau bagaimanapun, pembentukan rangka kerja ini sahaja tidak akan memperbaiki kedudukan ekonomi dan kelangsungan hidup minoriti Orang Asli/peribumi ini ke tahap maksimum. Kejayaan rangka kerja ini juga sebahagian besarnya adalah bergantung kepada keberkesanannya perkongsian peranan semua pihak yang terlibat di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan, termasuk organisasi dan masyarakat sivil serta sektor swasta bersama dengan masyarakat Orang Asli/peribumi.

(ii) Galakan penyertaan Orang Asli dalam ekonomi

Penduduk Orang Asli boleh membantu memenuhi keperluan pasaran buruh negara pada masa depan jika pihak pemerintah bersedia melakukan transformasi ke atas bantuan sosial, pelaburan dalam program pendidikan dan latihan kemahiran dalam pasaran buruh. Dalam konteks ini, penyertaan Orang Asli dalam ekonomi adalah tertakluk kepada bagaimana pihak pemerintah berjaya melakukan transformasi pelaburan dan galakan dalam modal insan.

Galakan kepada penyertaan Orang Asli/peribumi dalam pasaran buruh adalah penting bukan sahaja demi kemakmuran ekonomi negara tetapi boleh juga membantu menangani masalah kekurangan buruh yang wujud dalam negara. Lantas, bagi meningkatkan penyertaan tenaga muda Orang Asli dari kelompok minoriti dalam pasaran buruh, ini hanya boleh dicapai dengan syarat mereka diberi akses kepada latihan dan peluang perantisan (*training and apprenticeship opportunities*). Pembukaan akses kepada peluang sebegini kelak mampu meningkatkan daya saing mereka dari segi pekerjaan yang lebih memberi jaminan dalam jangka panjang.

Selain itu, langkah-langkah berikut juga boleh membantu meningkatkan status modal insan dan daya penyertaan minoriti Orang Asli dalam pasaran buruh. Bagaimanapun, dalam merealisasikan langkah-langkah ini, pihak pemerintah perlu terlibat sebagai pemudahcara dengan menawarkan (i) subsidi dalam bentuk upah sebagai insentif kepada organisasi atau perniagaan bagi menggalakkan pengambilan lebih ramai pekerja dalam kalangan Orang Asli; (ii) kerjasama mencipta pekerjaan dengan pihak organisasi dan perniagaan bagi membuka peluang dan meningkatkan pengalaman bekerja dalam kalangan Orang Asli; (iii) khidmat bantuan pekerjaan dengan memberi sokongan kewangan kepada organisasi yang menyediakan khidmat penempatan pekerjaan kepada warga Orang Asli; dan (iv) latihan membangun kemahiran dengan menyediakan bantuan kewangan kepada individu Orang Asli yang menganggur untuk menjalani latihan kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan dari peringkat asas hingga ke peringkat tinggi. Dijangkakan dengan pelaksanaan langkah-langkah sebegini, status modal insan dan tahap penyertaan tenaga kerja kelompok minoriti Orang Asli ini dapat ditingkatkan, dan seterusnya membantu membebaskan mereka dari kemelut keterancaman hidup yang tidak berkesudahan ini.

(iii) Meningkatkan nilai aset Orang Asli/Peribumi

Umum sedia maklum bahawa Orang Asli memiliki pengetahuan mendalam dan berpotensi untuk mengawal selia sumber-sumber semula jadi secara lestari dan efektif. Hanya dengan cara menguruskan sumber-sumber ini secara profesional, aset tanah dan sumber semula jadi Orang Asli ini dapat dibangunkan ke tahap yang maksimum. Jika *status quo* sedia ada dikekalkan, tanah dan sumber semula jadi Orang Asli sebahagian besarnya akan terus kekal terbiar dan terdedah kepada eksplorasi rakus pihak luar. Dalam konteks ini, pihak pemerintah perlu merangka dan menguatkuasa undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu berkaitan hak pemilikan, kawalselia dan penggunaan aset hutan oleh Orang Asli. Ketiadaan undang-undang dan peraturan bersifat perlindungan seumpama ini merupakan defisit dalam kapasiti masyarakat dan institusi untuk membangunkan aset ekonomi Orang Asli/peribumi dengan baik. Maka, dalam konteks ini, langkah-langkah ke arah meningkatkan hak pemilikan, mengawal selia dan mengurus tanah serta sumber-sumber di sekeliling kawasan Orang Asli perlu diteliti semula dan

diperkemaskan lagi. Hasratnya adalah bagi memastikan inisiatif berbentuk perundangan dan peraturan yang dibentuk dalam pengurusan tanah Orang Asli secara moden ini pada analisis akhirnya, membantu melicinkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Orang Asli/peribumi dengan lebih kukuh dan mapan.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS – Bottom Up: 2011-2016 Kod: LRGS/BU/2011/UITM/UKM/PB/03), Kementerian Pelajaran & Pengajian Tinggi Malaysia di bawah *niche area: National Heritage* dengan tajuk “*Evolutionary Genomics & Anthropological Approaches On Endangered Malaysian Aborigine Populations: Towards Ensuring Their Sustainability*”.

Rujukan

- Abdul Rahman Ahmad (2006) *Pembangunan modal insan: Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*. Human Resources Academy, Kuala Lumpur.
- Aguayo-Rico A, Guerra-Turrubiates IA, Montes R (2005) Empirical evidence of the impact of health on economic growth. *Issu. Polit. Econ.* **14**, August 2005.
- Aini Jaafar (2006) Islam dan modal insan. Yayasan Dakwah Islamiah. [cited 4 April 2013]. Available from: <http://www.yadim.com.my/Sosial/SosialFull.asp?SosialID=320>.
- Allison H, Edward H (2006) Putting the principles of the Sustainable Livelihoods Approach into fisheries development policy and practice. School of Development Studies.
- Bruce CG (2007) Confronting coastal poverty: Building sustainable coastal livelihoods in South Africa. *Ocean & Coastal Management* **50**, 1–23.
- Baharom Mohamad, Mohamad Johdi Salleh (2009) Pembangunan modal insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara. *Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan*. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan. 23-24 Mac.
- Bloom DE, Canning D (2000) The health and wealth of nations. *Science* **287**, 1207-1209
- Bloom DE, Canning D, Sevilla J (2004) The effect of health on economic growth: A production function approach. *World Dev.* **32**, 1-13.
- Card D (1999) The causal effect of education on earnings. In: Ashenfelter O, Card D (eds) *Handbook of labor economics*, 3, pp. 1801-1863. Elsevier, Amsterdam, The Netherlands.
- Cinner JE (2010) Differences in livelihoods, socioeconomic characteristics and knowledge about the sea between fishers and non-fishers living near and far from marine parks on the Kenyan coast (Marine Policy). pp. 22-28, 34.
- Claire I (2004) Alternative sustainable livelihoods for coastal communities - A review of experience and guide to best practice. The World Conservation Union.
- Department for International Development (1999) Sustainable livelihoods guidance sheet: Introduction. Available from: http://www.livelihoods.org/info/info_guidancesheets.html#1.
- Dyer P, Aberdeen L, Schuler S (2003) Tourism impacts on an Australian indigenous community: A Djabugay case study. *Tourism Management* **24**, 83-95.
- Flora CB (1999) Sustainability of human communities in Prairie Grasslands. *Great Plains Research* **9** (Fall), 397-419
- Government of Canada (2009) *Federal framework for Aboriginal economic development*. Minister of Indian Affairs and Northern Development and Federal Interlocutor for Métis and Non-Status Indians Ottawa, Canada.

- Harrison P (2005) A socio-economic assessment of sustainable livelihoods regimes for communities of Mnazi Bay Ruvuna Estuary Marine Park, Tanzania. The World Conservation Union.
- JAKOA (2010). Laporan eDamak, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Tidak diterbitkan).
- Lutz W (2010) Global demographic challenges and the role of education. Presented at the Club of Rome International Conference on Concerted Strategies for International Development in the 21st Century, Bern, Switzerland, 17 November; 2.
- Malleret D, Simbua J (2004) *The occupational structure of Mnazi Bay Ruvuma Estuary Marine Park communities*. ICUN EARO, Nairobi.
- Morse S, McNamara N, Acholo M (2009) Sustainable livelihood approach: A critical analysis of theory and practice. Geographical Paper No. 189. University of Reading, UK. [cited 9 April 2013]. Available from: <http://www.reading.ac.uk/web/FILES/geog/GP189.pdf>.
- Muhammad Hisyam Mohamad (2005) Islam Hadhari bentuk modal insan berkualiti. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Available from: <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>.
- Rahmah Ismail (1996) *Modal manusia dan perolehan buruh*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rivera B, Currais L (2003) The effect of health investment on growth: A causality analysis. *IAER* 9, 312-324.
- Sidek Baba (2005) Pembangunan modal insan remaja sasaran utamanya. Laman web ADUN negeri Johor. [cited 4 April 2013]. Available from: <http://www.johordt.gov.my/adun/home.php?iddun=4&panggilmenu=detailberita&idberita=1483>.
- Slaus I, Jacobs G (2011) Human capital and sustainability. *Sustainability* 3, 97-154.
- Teresa CH Tao (2008) *Tourism as a sustainable livelihood strategy*. Department of Geography.